

Indeks jenayah bukti masyarakat mula prihatin

BH
12/2/08
M/S 9

PENINGKATAN indeks jenayah adalah petanda orang ramai kini semakin yakin dengan perkhidmatan PDRM dan tidak lagi takut untuk membuat laporan berbanding beberapa tahun lalu.

Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM), Tan Sri Lee Lam Thye, berkata indeks jenayah akan meningkat seiring dengan laporan polis yang dibuat masyarakat, walaupun untuk kes kecil.

Katanya, masyarakat di negara ini sudah berani dan berasa bertanggungjawab membuat laporan polis mengenai kejadian jenayah demi memastikan keamanan dan ketenteraman bersama.

"Keadaan sekarang tidak lagi seperti dulu di mana orang ramai takut dan enggan melaporkan kejadian jenayah kepada polis, walaupun kadangkala dia sendiri menjadi mangsa.

"Keadaan itu berlaku kerana mereka tidak yakin polis mampu melakukan tindakan sewajarnya untuk menangkap penjenayah terbabit.

"Kini mereka tahu polis akan menerima laporan mereka dan menyiasat dengan teliti seterusnya memburu penjenayah terbabit. Kesedaran seperti itulah yang kita harapkan daripada masyarakat selama ini," katanya sambil menambah peningkatan indeks jenayah bukan lagi bermaksud kes jenayah meningkat mendadak, tetapi disebabkan kesedaran di kalangan rakyat mengenai bahaya jenayah.

"Jenayah memang berlaku. Kadangkala ia meningkat dan pada masa lain pula ia menurun... itu adalah fakta. Di mana-mana pun sama, bukan di Malaysia saja.

"Tetapi dari sudut positifnya, kita tahu masyarakat kini lebih yakin dengan polis dan ia membuktikan pasukan itu mampu menjalankan tugasnya dengan baik dalam menjaga ketenteraman dan keselamatan negara," katanya.

Lee berkata, laporan yang dibuat orang ramai juga sebenarnya penting bagi polis untuk mengenal pasti kawasan yang kerap berlaku jenayah dan seterusnya meningkatkan kawalan pencegahan di kawasan terbabit.

Beliau yang turut menganggotai Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM berkata, PDRM adalah antara pasukan terbaik di kalangan negara membangun di seluruh dunia.

"Bagaimanapun, masih banyak perkara yang boleh diperbaiki. Penambahbaikan itu lebih mudah apabila kerajaan sendiri kini memberi perhatian kepada PDRM dengan menerima dan mengambil tindakan susulan terhadap cadangan yang dikemukakan Suruhanjaya Diraja," katanya.

Sementara itu, Aktivis dan Penganalisis Jenayah, Kamal Affandi Hashim, berkata peningkatan indeks jenayah di Malaysia sebenarnya perkara normal dan tidak begitu tinggi jika dikaji dengan terperinci.

"Indeks jenayah negara ini sebenarnya berada pada tahap normal. Punca ia menjadi agak tinggi (peningkatan 7.12 peratus tahun lalu) ialah kerana penambahan lima kategori jenayah baru," katanya.